

FATWA, KEBEBASAN ASASI DAN BIDANG KUASA MAHKAMAH: ANALISIS KES SIS FORUM

FATWA, FUNDAMENTAL LIBERTIES AND JUDICIAL JURISDICTION: AN ANALYSIS OF THE SIS FORUM CASE

ⁱ*Muhammad Ihsan Hazim Zuriene Heslin & Zul-kifli Hussin

ⁱ*Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah,
Kuala Kangsar, Malaysia

*(Corresponding Author): muhammadihsanhazim@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis hubungan antara fatwa, kebebasan asasi dan bidang kuasa mahkamah dalam sistem perundangan Malaysia melalui kes Sister in Islam (SIS) Forum Malaysia. Fatwa adalah instrumen perundangan bagi pemuliharaan akidah umat Islam, namun pelaksanaan fatwa sering berhadapan cabaran apabila terdapat pihak yang cuba menggunakan peruntukkan kebebasan asasi yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, objektif kajian ini bertujuan menganalisis keputusan Mahkamah Persekutuan terhadap kes SIS yang mempengaruhi kedudukan fatwa dalam kerangka kebebasan asasi manusia, khususnya dalam kebebasan bersuara, berorganisasi dan beragama. Kajian ini dijalankan menggunakan reka bentuk kualitatif melalui analisis dokumen, temu bual separa berstruktur bersama seorang informan iaitu peguam sivil. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tafsiran mahkamah terhadap kebebasan asasi telah menghadkan pemakaian fatwa kepada individu Muslim sahaja dan tidak terpakai kepada entiti pertubuhan. Keputusan ini menimbulkan implikasi besar kepada autoriti institusi fatwa yang berperanan besar dalam pemuliharaan akidah umat Islam. Kajian ini mencadangkan perlunya penyelarasan antara prinsip kebebasan asasi dan keperluan pemeliharaan agama agar fatwa dapat berfungsi secara lebih berkesan tanpa bercanggah dengan kerangka Perlembagaan Persekutuan.

Kata Kunci: Fatwa, kebebasan asasi, bidang kuasa mahkamah, SIS Forum

ABSTRACT

This study analyzes the relationship between fatwas, fundamental liberties, and judicial jurisdiction within the Malaysian legal system through the case of Sisters in Islam (SIS) Forum Malaysia. Fatwas function as legal instruments for the preservation of Islamic creed (aqidah); however, their implementation often faces challenges when certain parties invoke the provisions of fundamental liberties guaranteed by the Federal Constitution. Therefore, the objective of this study is to examine the Federal Court's decision in the SIS case and its impact on the position of fatwas within the framework of human rights, particularly in relation to freedom of expression, association, and religion. This study employs a qualitative research design through document analysis and semi-structured interviews with civil lawyers. The data obtained were analyzed using thematic analysis. The findings reveal that the court's interpretation of fundamental liberties has limited the applicability of fatwas to individual Muslims only and rendered them inapplicable to organizational entities. This decision has significant implications for the authority of fatwa institutions, which play a crucial role in the preservation of Islamic creed. The study suggests the need for harmonization between the

principles of fundamental liberties and the requirement to safeguard religion, so that fatwas may function more effectively without conflicting with the framework of the Federal Constitution.

Keyword (s): *Fatwa, fundamental liberties, judicial jurisdiction, SIS Forum*

Pengenalan

Fatwa merupakan instrumen perundangan bagi pemuliharaan akidah umat Islam. Menurut kajian oleh Zulfaqar Mamat (2019) fatwa ialah jawapan terhadap persoalan yang dikemukakan oleh orang yang bertanya tentang sesuatu hukum. Manakala, fatwa pada bahasa menurut Al-Khindiyy (2008), bukanlah sekadar penjelasan semata-mata, tetapi memberi maksud pertolongan dan petunjuk kepada *mustafti*, iaitu menjelaskan jalan yang seharusnya diikuti untuk keluar daripada kemusykilan yang berlaku atau yang akan berlaku. Menurut Shaltut (1991) dalam pendahuluan bukunya *al-Fatawa* menyatakan:

“Orang-orang Islam semenjak dari zaman Nabi SAW sehingga ke hari ini telah mengambil daripada ulama-ulama mereka hukum-hakam agama sebagai satu bentuk penjelasan yakni tanpa didahului dengan persoalan sepertimana uslub yang digunakan oleh al-Quran. Manakala penjelasan yang didahului dengan persoalan dinamakan al-fatwa.”

Menurut Nur Ain Sabirin et al., (2024) antara dalil pensyariatan yang menjadi tanggungjawab setiap individu Muslim untuk mencegah kemungkaran dengan melakukan kebaikan atau mengajak kepada kebaikan seperti berikut:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Maksudnya: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya. (Al-Imran: 104).

“Dari Abu Sa’id Al Khudri R.A berkata: Saya mendengar Rasulullah S.A.W bersabda: Siapa yang melihat kemungkaran maka ubahlah dengan tangannya, jika tidak mampu maka ubahlah dengan lisannya, jika tidak mampu maka ubahlah (tolaklah) dengan hatinya dan hal tersebut adalah selemah-lemahnya iman”

(Muslim: 78)

Dengan adanya dalil tersebut, maka jelas lah prinsip syariah yang menekankan keperluan untuk mengawal selia kehidupan manusia melalui prinsip perundangan Syariah. Oleh itu, terang lagi bersuluh bahawa fatwa yang dikeluarkan adalah bagi memberikan penjelasan serta panduan kepada masyarakat Islam mengenai sesuatu isu yang memerlukan kepastian dari segi hukum, terutamanya perkara yang belum dijelaskan atau timbul perselisihan pendapat. Fatwa berperanan membantu umat Islam bagi membuat keputusan yang selari dengan prinsip agama, sama ada dalam hal ibadah, muamalat, undang-undang ataupun isu semasa yang memerlukan kepada pandangan syarak.

Kebebasan asasi merupakan peruntukan kepada hak-hak yang asas yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan kepada individu terhadap tindakan yang dilakukan oleh pihak berkuasa. Kebebasan ini termaktub di bawah Bahagian II Perlembagaan Persekutuan, yang berfungsi sebagai asas prinsip kedaulatan undang-undang (*rule of law*) serta

perlindungan terhadap maruah masyarakat di Malaysia. Dalam sistem perlembagaan Malaysia, kebebasan asasi ini adalah sebahagian daripada had perlembagaan terhadap kuasa eksekutif, legislatif serta termasuk kuasa badan agama Islam negeri. Untuk meminda sesuatu Perlembagaan, ia perlulah melalui kuasa badan legislatif iaitu mendapatkan undian majoriti di Parlimen untuk meluluskan sesuatu pindaan. Menurut kajian daripada Zul-kifli (2022), Perlembagaan sentiasa membuka ruang kepada perubahan, pindaan dan penambahbaikan kepada undang-undang sedia ada bagi menjamin terlaksananya keadilan. Tambahnya lagi, tujuannya adalah bagi membuka ruang agar kekal relevan dalam mendepani cabaran serta isu-isu semasa.

Selain kebebasan asasi yang termaktub di bawah perlembagaan, ada juga hak asasi manusia yang disebut dengan singkatannya HAM, yang ditakrifkan sebagai hak-hak dan kebebasan-kebebasan yang tersedia wujud dan menjadi hak milik seseorang secara semulajadi semenjak ia dilahirkan sebagai manusia (Indriaty Ismail, 2021). Menurut kajiannya lagi, terdapat dua deklarasi utama berkaitan HAM ini. Pertama, deklarasi yang dikeluarkan oleh PBB iaitu *The Universal Declaration of Human Rights* (UDHR). Yang kedua, deklarasi hak asasi manusia yang dipersetujui dan dikeluarkan oleh negara-negara Islam di bawah OIC yang dikenali sebagai *Universal Islamic Declaration of Human Rights* (UIDHR). Perbezaan yang penting untuk membezakan antara hak asasi di bawah perlembagaan serta hak asasi menurut PBB mahupun OIC, kebebasan asasi dalam Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang yang paling tinggi dalam negara serta sifatnya mengikat dan boleh berkuatkuasa oleh Mahkamah Sivil. Manakala UDHR mahupun UIDHR ialah satu deklarasi antarabangsa yang bersifat umum, tidak mengikat secara langsung. Akan tetapi, dijadikan sebagai garis panduan oleh sesetengah masyarakat dunia pada peringkat antarabangsa.

Dari sudut perundangan Malaysia, kedudukan fatwa adalah khusus kepada orang Islam dan tertakluk kepada bidang kuasa negeri, kerana hal ehwal agama Islam diperuntukan di bawah bidang kuasa negeri. Akan tetapi fatwa yang dikeluarkan oleh mufti ataupun Jawatankuasa Fatwa Negeri tidak serta-merta menjadi undang-undang sebaik sahaja diumumkan. Sebaliknya, ia perlu melalui proses rasmi pewartaan dengan mengikut tatacara pembuatan fatwa. Contohnya di negeri Selangor, prosesnya berdasarkan seksyen 48, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Meskipun fatwa merupakan bidang kuasa di bawah kerajaan negeri, akan tetapi fatwa tidak boleh melebihi had bidang kuasa yang telah diperuntukan. Ini kerana doktrin bidang kuasa telah dibahagikan melalui peruntukan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan iaitu Mahkamah yang disebut dalam Fasal (1) tidaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah Syariah.

Tinjauan terhadap institusi fatwa mendapati terdapat kelemahan tertentu. Antara punca kelemahan institusi fatwa berpunca daripada pewartaan fatwa yang bercanggah dengan hak asasi manusia serta keterbatasan bidang kuasa yang dibenarkan. Apabila terdapat percanggahan antara undang-undang dan hak asasi manusia, berdasarkan Bahagian II Perlembagaan Persekutuan “mana-mana pihak yang tidak bersetuju boleh menggunakan Mahkamah Sivil bagi mencabar kesahihan enakmen syariah di negeri tersebut. Walaupun Perlembagaan Persekutuan telah pun mengiktiraf kebebasan asasi dengan memperuntukan undang-undang demi menjaga kepentingan keselamatan negara serta ketenteraman awam. Akan tetapi, masih terdapat kesamaran dan kekaburan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan serta membolehkan sesebuah pihak cuba menggunakannya bagi melemahkan institusi fatwa negeri.

Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis keputusan kes SIS yang mempengaruhi kedudukan fatwa melalui kerangka kebebasan asasi berdasarkan peruntukan Perlembagaan. Kajian ini juga bertujuan memahami kesan keputusan Mahkamah Persekutuan

terhadap penguatkuasaan fatwa, peruntukan kebebasan asasi yang digunakan oleh SIS dalam mencabar fatwa serta meneliti konflik bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Berdasarkan objektif tersebut, kajian ini juga digerakkan oleh beberapa persoalan utama iaitu apakah kedudukan fatwa dalam sistem perundang di Malaysia. Selain itu, apakah implikasi daripada konflik bidang kuasa mahkamah yang mempengaruhi penguatkuasaan terhadap fatwa. Seterusnya, apakah cabaran dari segi penguatkuasaan fatwa dari segi undang-undang di Malaysia. Akhir sekali, apakah cara paling efektif bagi mengimbangi kedudukan bidang kuasa institusi fatwa supaya setanding serta setaraf dengan Mahkamah Sivil agar fatwa benar-benar berfungsi sebagai instrumen pemuliharaan akidah bagi umat Islam.

Melalui warta kerajaan negeri Selangor pada 13 Julai 2014 yang mengisytiharkan fahaman liberalisme dan pluralisme agama yang dibawa oleh SIS Forum Malaysia adalah sesat dan menyeleweng. Pihak SIS telah memulakan tindakan semakan kehakiman di Mahkamah Sivil bagi mencabar kesahan fatwa tersebut. Akhirnya, melalui Berita Harian pada 15 Jun 2025, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa fatwa tersebut tidak boleh diguna pakai terhadap SIS. Menurut Mahkamah Persekutuan, fatwa hanya terpakai kepada orang perseorangan “*natural persons*” serta beragama Islam, bukan kepada syarikat ataupun pertubuhan, “*not artificial entities*”.

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif kerana lebih sesuai dalam memahami isu SIS secara mendalam melalui analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur. Pemilihan Reka bentuk kualitatif dilihat sesuai kerana banyak perkara yang tidak mampu dijawab dengan merujuk kepada data numerikal (Ismail, 2016). Selain itu juga, dengan reka bentuk ini membolehkan pengkaji meneliti secara terperinci konteks sesuatu isu, mendengar pandangan informan secara langsung serta memperoleh maklumat daripada pengalaman mereka (Creswell, 2014). Kaedah ini juga memberi ruang kepada kajian ini untuk meneliti makna yang tersirat di sebalik dokumen serta pengetahuan informan bagi menghasilkan dapatan kajian yang lebih mendalam.

Dari segi pengumpulan data, kajian ini menggunakan dua sumber iaitu data primer dan data sekunder. Data primer diperoleh melalui temu bual separa berstruktur bersama pakar dalam bidang guaman Sivil yang mempunyai ilmu serta kefahaman yang mendalam terhadap kes SIS. Temu bual separa ini membolehkan pengkaji mendapatkan perspektif mendalam serta penjelasan lanjut mengenai isu yang dibincangkan (Sharan B. Merriam, 2016). Data sekunder pula diperoleh daripada pelbagai bahan bertulis seperti penulisan akademik, artikel jurnal, buku, laporan rasmi, enakmen negeri, akta perundangan, kes mahkamah dan laporan media yang berkaitan dengan tajuk kajian. Selari dengan kenyataan oleh Zul-kifli (2022), pengumpulan data melibatkan data bersifat sekunder, iaitu melibatkan segala jenis dokumentasi sama ada berbentuk akta, tafsiran kepada akta, audio dan sebagainya. Data sekunder ini penting bagi menyokong hasil dapatan daripada data primer serta memberikan gambaran yang lebih lengkap terhadap isu yang dikaji.

Akhir sekali, data akan dianalisis menggunakan pendekatan interpretif, iaitu pendekatan yang difahami daripada apa yang difahami tentang fenomena (Mohd Awang et al., 2019). Melalui kaedah analisis kandungan (*content analysis*) ini adalah bertujuan bagi mendapatkan dapatan sedia ada. Seterusnya, menggunakan analisis tematik bagi mendapatkan dapatan baharu di antara keberkesanan institusi fatwa dalam menetapkan fatwa terhadap organisasi SIS serta menilai dari sudut kerangka Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Malaysia menurut Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.

Dengan menggunakan kaedah analisis tematik ini, membolehkan kajian ini meneliti pola, persamaan dan perbezaan dalam maklumat yang dikumpulkan (Braun, 2006).

Kedudukan Fatwa, Bidang Kuasa Mahkamah serta Perlembagaan Persekutuan

Kajian mengenai fatwa, kebebasan asasi serta bidang kuasa mahkamah telah banyak dibincangkan oleh beberapa sarjana dari aspek perundangan yang meliputi konsep Perlembagaan serta bidang kuasa mahkamah dan Kerajaan Negeri. Namun pelaksanaan fatwa dilihat tidak berkeupayaan untuk mengikat pertubuhan kerana terdapat cabaran oleh peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang mengawal sesuatu pertubuhan melalui peruntukan kebebasan asasi.

Menurut Zulfaqar Mamat (2019), melalui bidang kuasa yang sedikit yang diperuntukan berkenaan Islam dan adat istiadat Melayu, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk mengadakan peraturan-peraturan dan undang-undang berkenaan fatwa di negeri masing-masing. Maka, jelas bahawa perkara yang bersangkutan dengan fatwa tercatat dalam enakmen, ordinan, akta di setiap negeri di Malaysia sejak mula enakmen/ordinan/akta tersebut dibuat.

Justeru, kenyataan ini dikuatkan lagi dengan kajian oleh Suhaizad dan Zulfadli (2023), sistem kehakiman yang diamalkan di Malaysia kini terbahagi kepada dua iaitu Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidangkuasa tertentu dan hanya tertakluk kepada orang Islam sahaja. Manakala bidangkuasa Mahkamah Sivil adalah lebih luas dan ianya berbidangkuasa terhadap orang Islam dan orang bukan Islam. Selain kedua-dua sistem ini diperuntukan pada perundangan yang berbeza, lokasi dan infrastruktur juga adalah berlainan. Dari aspek lain Mahkamah Sivil mempunyai lima peringkat mahkamah iaitu Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan manakala Mahkamah Syariah hanya mempunyai tiga peringkat mahkamah, iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Ini bermakna Mahkamah Sivil mempunyai empat lapisan mahkamah untuk merayu manakala Mahkamah Syariah hanya mempunyai dua lapisan mahkamah bagi membuat rayuan.

Kajian oleh Ab Rahman Thobroni, et al., (2022) di negeri Perak, Mahkamah mempunyai empat peringkat, iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah serta Mahkamah Utama Syariah. Mahkamah Utama Syariah berbidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes-kes rayuan yang telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Syariah yang melibatkan rayuan daripada pihak-pihak yang tidak berpuasa hati dengan keputusan dari Mahkamah Tinggi Syariah. Penubuhan Mahkamah Utama Syariah di negeri Perak Darul Ridzuan, telah meningkatkan lagi martabat dan kuasa kehakiman tertinggi yang mampu menyelesaikan pelbagai masalah rumit berhubung hal ehwal masyarakat bagi umat Islam.

Perbezaan ketara dalam bidang kuasa serta kedudukan institusi kehakiman ini menjadi asas penting dalam memahami konflik perundangan yang timbul dalam kes SIS, khususnya apabila isu fatwa bertembung dengan tuntutan kebebasan asasi di bawah Perlembagaan. Menurut kenyataan oleh SIS (2014), fatwa tersebut telah melanggar hak asasi dalam Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, fatwa tersebut juga dikatakan mencero bohi bidangkuasa Persekutuan di mana Parlimen sahaja yang mempunyai kuasa legislatif untuk membataskan hak-hak asasi manusia. SIS menegaskan lagi bahawa fatwa tiada kuasa untuk memberi arahan kepada institusi mahupun agensi kerajaan seperti Kementerian Dalam Negeri untuk mengharamkan dan merampas buku-buku dan SKMM untuk menyekat laman-laman media sosial. Selari dengan kajian daripada Muhammad Shazren (2021), Perlembagaan

Persekutuan memberi jaminan terhadap hak kebebasan bersuara kepada setiap warganegara Malaysia, seperti yang termaktub dalam Perkara 10(1)(a). Jelasnya lagi warganegara Malaysia mempunyai kebebasan dalam mengeluarkan pendapat dan buah fikiran selagi mana tidak menyentuh isu-isu sensitif yang telah dinyatakan dalam Perkara 10(4).

Bagi menyentuh Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan, kajian daripada Shamrahayu Aziz (2018), menyatakan bahawa Perkara 11(4) memberikan kuasa kepada Badan Perundangan Negeri untuk mengawal atau menyekat sebarang pengembangan kepercayaan agama atau doktrin dalam kalangan orang-orang Islam. Walaubagaimana pun, peruntukan ini tidak boleh diperluaskan kepada entiti pertubuhan, kerana entiti pertubuhan tidak mempunyai keupayaan untuk menganut sesuatu agama. Secara tidak langsung, SIS dapat mengembangkan serta menyebarkan fahaman mereka tanpa boleh dikenakan tindakan oleh penguatkuasaan agama. Ditambahkan dengan kajian oleh Zul-kifli (2022) menegaskan, perkembangan fahaman mereka dipercayai berpunca daripada keinginan kepada kebebasan tanpa sempadan lantaran agama dilihat sebagai penuh dengan peraturan, sekatan, pantang larang dan tidak rasional.

Hasil Dapatan

Kajian ini menggabungkan analisis literatur terhadap kes SIS Forum dengan data primer yang diperolehi melalui temu bual separa berstruktur bersama seorang informan daripada peguam Sivil. Secara keseluruhannya, dapatan ini memfokuskan kepada keseluruhan kes SIS dalam keputusan Mahkamah Persekutuan. Dalam dapatan ini mendedahkan jurang antara autoriti fatwa di peringkat negeri serta dalam kerangka perundangan Sivil di peringkat Persekutuan.

“Fatwa ni belum jadi lagi satu undang-undang yang solid... Fatwa ni hanya bagi satu macam garis panduan. Tapi pergi balik kepada undang-undang syariah untuk mengubal peruntukan terhadap fatwa yang dulu, ada tak? Baru ia akan keluar satu undang-undang yang lain berdasarkan fatwa itu tadi.”

Menurut kenyataan daripada informan, fatwa mempunyai kedudukan yang sah dalam sistem perundangan Malaysia, namun ia tidak bersifat mengikat secara mutlak melainkan digubal dalam bentuk undang-undang. Mahkamah Persekutuan menegaskan bahawa fatwa hanya terpakai ke atas individu, bukan organisasi. Hal ini menimbulkan cabaran apabila fatwa terhadap SIS tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya terhadap organisasi tersebut, meskipun kandungan fatwa mengisytiharkan pengharaman. Temu bual bersama informan turut mengesahkan bahawa keputusan Mahkamah Persekutuan memberi isyarat jelas bahawa fatwa tidak mempunyai kuasa automatik terhadap entiti perundangan seperti pertubuhan, kerana ia hanya boleh berkuat kuasa kepada Muslim secara individu. Justeru, dapatan ini memperlihatkan keterbatasan fatwa sebagai sumber undang-undang apabila berhadapan dengan entiti korporat

“Sebab itu awal-awal Mahkamah Persekutuan cakap, dia bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Tapi Mahkamah Syariah, apa bidang kuasa menghadkan setakat mengharamkan sesuatu organisasi. Kalau organisasi ditubuhkan di bawah Majlis Agama Islam, boleh lah ia batalkan. Tetapi organisasi ni ditubuhkan di bawah ROS Registrar of Societies. Itu di bawah satu badan undang-undang sivil yang lain”

Hasil temu bual mendapati wujud konflik bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Bidang kuasa Mahkamah Syariah bertanggungjawab dalam menguatkuasakan fatwa, namun bidang kuasanya terhad kepada individu muslim sahaja.

Sementara itu, Mahkamah Sivil mengawal pertubuhan melalui Registrar of Societies (ROS) dan perlembagaan. Situasi ini mewujudkan jurang perundangan apabila organisasi seperti SIS dilindungi oleh kerangka sivil meskipun difatwakan menyeleweng. Informan yang ditemu bual menekankan bahawa ROS berada di bawah bidang kuasa Persekutuan, manakala fatwa pula berada dalam bidang kuasa negeri. Pertindihan ini menjadikan kedudukan fatwa lebih rumit kerana sebarang tindakan ke atas pertubuhan perlu melalui saluran Mahkamah Sivil, walaupun dari sudut syariah telah difatwakan sesat.

“Ajaran-ajaran yang kita sendiri susah nak pantau. Macam ajaran-ajaran sesat pun kita tak boleh pantau. Syiah pun sama. Tapi sebabkan fatwa tetap ada.. Majlis Agama Islam kena Agresifly membuat tindakan dan peraksanaan dan jugak penguatkuasaan terhadap golongan-golongan ini. Majlis agama hanya akan bertindak jika ada report. Kenapa dia tak buat siasatan sendiri? itu yang kita jadi question.”

Dapatan menunjukkan bahawa penguatkuasaan fatwa bergantung kepada tindakan Majlis Agama Islam dan pihak berkuasa Syariah. Namun begitu, penguatkuasaan sering bersifat reaktif iaitu hanya selepas aduan dibuat, bukan proaktif. Kelemahan dari segi penguatkuasaan ini menyebabkan ajaran atau pemahaman bercanggah dengan Islam sukar dibanteras secara efektif. Informan juga menjelaskan bahawa fatwa yang diwartakan sebenarnya boleh menjadi rujukan dalam peraturan pentadbiran atau kehakiman, tetapi hal ini memerlukan kesepakatan institusi penguatkuasaan negeri. Tanpa pelaksanaan yang konsisten, fatwa hanya tinggal sebagai dokumen undang-undang yang tidak berfungsi sepenuhnya dalam realiti masyarakat.

“Perlembagaan Persekutuan itu adalah ibu kepada segala undang-undang dalam Malaysia. Selagi mana undang-undang Syariah tidak menjadi.. tak digubal menjadi undang-undang utama dalam Malaysia, selagi tu dia tak boleh, dia ter.. tersekat disitu. Sebab kita sekarang ada conflict of jurisdiction. Maksudnya Sivil lain, Syariah lain. Bidang kuasa nya pon berbeza”

Walaupun fatwa diiktiraf sebagai salah satu sumber undang-undang Islam, keberkesanannya dilihat terbatas kerana bergantung kepada bidang kuasa negeri dan kesediaan politik untuk menggubal undang-undang yang lebih menyeluruh. Informan juga menekankan bahawa selagi Perlembagaan Persekutuan menjadi rujukan utama tanpa pengiktirafan syariah sebagai undang-undang setanding dengan sivil, kedudukan fatwa akan terus berada pada tahap yang terhad. Hal ini juga dikaitkan dengan cabaran federalisme di Malaysia yang meletakkan agama Islam di bawah kuasa negeri, sedangkan banyak isu yang timbul melibatkan implikasi peringkat Persekutuan. Oleh itu, keberkesanan fatwa dalam mengawal pemikiran menyeleweng bergantung kepada sejauh mana kerjasama erat antara kerajaan negeri, institusi agama dan mahkamah sivil dapat dicapai

Analisis Penghakiman SIS Forum oleh Mahkamah Persekutuan

Dapatan kajian memperlihatkan tafsiran Perlembagaan Persekutuan oleh Mahkamah Persekutuan terhadap fatwa yang dikenakan terhadap kes SIS. Tidak dinafikan bahawa fatwa adalah instrumen yang penting dan patut dipelihara. Namun, keberkesanannya masih terbatas disebabkan beberapa faktor perbezaan badan berautoriti antara undang-undang Syariah serta undang-undang Sivil. Hasil analisis keputusan akhir Mahkamah Persekutuan mendapati fatwa tersebut sah dari segi Perlembagaan, akan tetapi Mahkamah Persekutuan mengecualikan atau menghapuskan beberapa perenggan. Antara isi kandungan fatwa yang dikenakan keatas SIS

merujuk “fatwa pemikiran liberalisme dan pluralisme agama” yang ditolak oleh Mahkamah Persekutuan seperti berikut:

- SIS Forum (Malaysia) dan mana-mana individu, pertubuhan atau institusi yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama sebagai sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam.
- Mana-mana bahan terbitan yang berunsur pemikiran-pemikiran fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah diharamkan dan boleh dirampas.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) hendaklah menyekat laman-laman sosial yang bertentangan dengan ajaran Islam dan Hukum Syarak.
- Mana-mana individu yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah bertaubat dan kembali ke jalan Islam.

Fatwa yang hanya berkuasa kepada individu Muslim dan tidak terpakai kepada organisasi pertubuhan boleh menimbulkan cabaran yang besar kepada institusi fatwa dalam menguruskan pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam.

“Article 11(4) applies only to the control or restriction of the propagation of religious doctrine among persons professing Islam.”

Menurut kenyataan Mahkamah Persekutuan di atas, Mahkamah Persekutuan bersetuju dengan peruntukan Perkara 11(4) yang dibahas oleh SIS. Dalam Perkara tersebut membahaskan “undang-undang negeri dan berkenaan dengan Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang Persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam”. Tafsiran menurut Mahkamah Persekutuan, kawalan tersebut hanya terpakai kepada individu yang menganuti agama Islam, bukan kepada organisasi yang menyebarkan fahaman. Hal ini selari dengan pandangan Mohd Kamel (2016) yang menegaskan bahawa fatwa yang diwartakan sememangnya bersifat mengikat terhadap orang Islam dalam negeri berkenaan, tetapi perlaksanaannya tetap memerlukan kuasa undang-undang serta penguatkuasaan melalui Mahkamah Syariah. Dalam kes SIS, keputusan Mahkamah Persekutuan memperlihatkan dengan jelas bahawa ruang lingkup fatwa terhadap individu, selaras dengan tafsiran Perlembagaan Persekutuan.

“The fatwa has the effect of restraining the appellant from expressing its views, thereby infringing the right to freedom of speech and expression.”

Menurut kenyataan diatas, Mahkamah Persekutuan bersetuju bahawa kuasa untuk menyekat penerbitan serta media sosial adalah terletak di bawah undang-undang Persekutuan dengan mengikut akta yang dibenarkan iaitu (Akta Mesin Cetak 1984) dan (Akta Komunikasi dan Multimedia 1998), bukan di bawah undang-undang negeri ataupun institusi fatwa negeri. Selari dengan kenyataan SIS menyatakan bahawa fatwa yang mengharamkan bahan terbitan serta mengarahkan SKMM untuk menyekat media sosial adalah tidak berperikemanusiaan serta berkait dengan menyekat kebebasan bersuara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 10(1)(a) iaitu “tiap-tiap warganegara berhak untuk kebebasan bercakap dan bersuara”. Konflik bidang kuasa yang ditekankan dalam dapatan ini antaranya, Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil mencerminkan realiti semasa konsep perundangan di Malaysia. Menurut kajian oleh Suhaizad dan Zulfadli (2023), menegaskan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa yang terbatas, manakala Mahkamah Sivil boleh mengawal hampir kesemua aspek pentadbiran mahupun pertubuhan melalui Registrar of

Societies (ROS). Dengan pertindihan bidang kuasa tersebut, ia menjadikan fatwa sukar dilaksanakan terhadap organisasi atau pertubuhan yang berdaftar di bawah undang-undang Sivil. Secara tidak langsung SIS berjaya mengekalkan kedudukannya sebagai pertubuhan yang sah serta boleh beroperasi dengan kebenaran walaupun difatwakan menyeleweng. Oleh yang demikian, ia boleh menimbulkan persepsi masyarakat terhadap kelemahan institusi fatwa dalam melaksanakan fungsi kefatwaan tersebut terhadap ajaran atau fahaman yang bercanggah dengan ajaran Islam.

Perlembagaan Persekutuan yang berteraskan prinsip federalisme telah mengiktiraf Islam sebagai agama Persekutuan. Walaupun Islam telah diiktiraf sebagai agama Persekutuan tetapi masih terikat secara langsung, yang mana hal ehwal Islam tetap berada di bawah bidang kuasa negeri sebagaimana peruntukan dalam Jadual Kesembilan, sekali gus mengehadkan skop pemakaian serta penguatkuasaan fatwa apabila isu yang timbul melibatkan kesan terhadap umat Islam di negara ini. Keadaan ini menyebabkan fatwa menjadi kurang berkesan, bukan disebabkan isi fatwa, tetapi kuasa terhadap negeri itu terhad. Tambahan, fahaman dan ideologi ini hendaklah dikawal di seluruh negara. Penemuan ini selari dengan kajian yang dijalankan Nur Ain (2024), wujudnya kekaburan bidang kuasa antara Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dalam penggubalan undang-undang jenayah syariah. Justeru, tanpa adanya mekanisme penyelarasan institusi yang berfungsi dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan, fatwa berisiko kekal sebagai instrumen yang terhad kepada konteks negeri dan tidak mampu setanding serta berfungsi secara berkesan dalam menghadapi cabaran dalam peringkat Persekutuan.

Berikut dibawakan jadual pemetaan terhadap perbezaan Institusi Fatwa Negeri dan Mahkamah Sivil.

Jadual 1.1: Pemetaan terhadap Perbezaan Institusi Fatwa dan Mahkamah Sivil

Ciri perbezaan	Institusi Fatwa Negeri	Mahkamah Sivil
Perlaksanaan dan penggubalan	Terikat kepada perlaksanaan dan penggubalan oleh Kerajaan Negeri.	Dilaksanakan di bawah Parlimen yang mempunyai kuasa dalam Perlembagaan.
Pemakai	Hanya terpakai kepada individu Muslim (<i>natural persons</i>).	Terpakai kepada organisasi atau pertubuhan (<i>artificial entities</i>) serta semua warganegara.
Kawalan penerbitan/media	Tidak mempunyai kuasa.	Berkuasa melalui Akta 301 dan Akta 588.
Sifat keberkesanan	Terbatas dalam sempadan negeri dan individu.	Bidang kuasa yang lebih luas dan menyeluruh di peringkat Persekutuan.
Bidang kuasa mengawal pertubuhan	Terhad kepada pertubuhan di bawah kawalan Majlis Agama Islam Negeri.	Mengawal organisasi yang berdaftar di bawah (ROS).
Penguatkuasaan	Reaktif	Proaktif

Melihat kepada Jadual Pemetaan 1.1 di atas, ciri-ciri yang terdapat pada Institusi Fatwa Negeri melihatkan kelemahan-kelemahan yang perlu diperkukuhkan melalui mekanisme penyelarasan institusi yang patut berfungsi dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah Sivil menunjukkan tahap yang lebih dominan dalam melaksanakan setiap tindakan kerana kawalan yang lebih luas di peringkat Persekutuan serta keterikatan undang-undang kepada semua lapisan masyarakat. Penguatkuasaan yang bersifat reaktif juga menguatkan lagi tanggapan bahawa fatwa di Malaysia belum cukup mantap dari segi pelaksanaannya. Secara tidak langsung membuka ruang kepada penggunaan kebebasan asasi sebagai hujah dalam mencabar autoriti institusi fatwa. Malah diperkukuh dengan kedudukan Perlembagaan yang sentiasa memenangkan kerangka kebebasan bersuara dalam pembicaraan sesuatu kes Sivil. Sepertimana dinyatakan dalam kajian Fatin Nabillah (2018), penolakan SIS terhadap fatwa menggabarkan cabaran besar yang dihadapi oleh institusi fatwa yang hanya tinggal sebagai dokumen undang-undang tanpa adanya pelaksanaan konsisten, akhirnya gagal memainkan peranan sebagai benteng akidah.

Akhir sekali, kajian ini menegaskan bahawa dalam kes SIS bukan sekadar isu konflik mahkamah semata-mata, tetapi mencerminkan keperluan mendesak terhadap reformasi institusi fatwa dalam kerangka perundangan negara supaya fatwa itu benar-benar boleh berfungsi sebagai benteng pengawalan akidah umat Islam, sejajar dengan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini menegaskan bahawa institusi fatwa perlu diperkukuhkan melalui mekanisme undang-undang yang lebih jelas dan menyeluruh, termasuklah penyelarasan antara negeri dan Persekutuan. Reformasi dari aspek perundangan dan penguatkuasaan adalah penting bagi memastikan fatwa tidak hanya berperanan sebagai dokumen hukum, akan tetapi benar-benar berfungsi dalam menangani cabaran ideologi seperti liberalisme dan pluralisme. Implikasi daripada kajian ini menunjukkan bahawa keberkesanan fatwa dalam sistem perundangan negara bergantung kepada kerjasama erat antara kerajaan negeri, kerajaan Persekutuan serta institusi kehakiman bagi meletakkan autoriti fatwa dalam kedudukan yang lebih berwibawa dan dihormati.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Zul-kifli bin Hussin, selaku penyelia dan pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sultan Azlan Shah, di atas membimbing, menasihat serta memberi dorongan berterusan sepanjang penulisan artikel jurnal ini dijalankan. Jasa dan tunjuk ajar beliau telah banyak membantu dalam memperkukuhkan kualiti penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Puan Nor Azniza binti Md Saad, selaku peguam sivil yang sudi meluangkan masa untuk ditemu bual dan memberikan pandangan berharga berkaitan aspek guaman serta implikasi perundangan dalam kes SIS. Pandangan beliau telah menyumbang dari aspek undang-undang serta keseluruhannya terhadap dapatan kajian ini.

Akhir sekali, penghargaan turut diberikan kepada Universiti Sultan Azlan Shah yang telah menyediakan kemudahan serta ruang penyelidikan yang kondusif. Segala bantuan, sokongan dan kerjasama daripada semua pihak amatlah dihargai.

Rujukan

- Ab Rahman Thobroni bin Mohd Mansor. (2022). Mahkamah Syariah Perak: Analisis sejarah. *Al-Qanun (Jurnal Syariah Perak)*, 1–15.
- Al-Khindi, A. al-R. (2008). *Al-taysir fi al-fatwā: Asbābuhu wa dawābiḥu*. Muassasah al-Risālah Nāshirūn.
- Baherudin, M. S. (2021). Hak asasi menurut Perlembagaan Persekutuan. *Perpustakaan Internasional Waqaf Ilmu Nusantara*.
https://waqafilmunusantara.com/wp-content/uploads/2023/03/5_artikel_hak-asasi-manusia_competition.pdf
- Berita Harian. (2025, June 19). “Sister in Islam bukan individu yang tertakluk kepada fatwa” – Mahkamah Persekutuan. New Straits Times Press (M) Bhd.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/06/1409821/sister-islam-bukan-individu-yang-tertakluk-kepada-fatwa-mahkamah>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
<https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (3rd ed.). Sage Publications.
- Fatin Nabillah Md Bahrudin, & Hairul Azlan Annuar. (2018, October). Denial of Sister in Islam (SIS) against fatwa and its institutions in Malaysia. *Al-Qanathir International Journal of Islamic Studies*, 12(1), 1–9.
<https://al-qanathir.com/aq/article/view/127/98>
- Indriaty Ismail, & Ahmad Mukri Aji. (2021). Pemikiran Sister in Islam dan hak asasi manusia. *Akademika*, 91(1), 151–164.
- Ismail, R. (2016). *Metodologi penyelidikan: Teori dan praktis*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mamat, Z. (2019). *Sejarah perkembangan institusi fatwa*. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). Jossey-Bass.
- Mohamad, T. A. (2014). *Kes SIS Forum: Satu ulasan*. Jawatankuasa Fatwa Selangor.
- Mohd Awang, I., Mohd Sobhi, I., Azanin, A., & Aszunarni, A. (2019). *Penyelidikan sains sosial: Aplikasi teori dan metodologi*. Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Kamel bin Mat Salleh. (2016). Kedudukan fatwa dan pendapat mufti sebagai autoriti di Mahkamah Syariah Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 1(1), 1–23.
- Nur Ain Mohd Sabirin, & Ahmad Azam Mohd Shariff. (2024). Penggubalan undang-undang jenayah syariah di Malaysia: Analisis ke atas kekaburan bidang kuasa Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. *Akademika*, 94(2), 346–360.
<https://doi.org/10.17576/akad-2024-9402-20>
- Shaltut, M. (1991). *Al-fatāwā*. Dār al-Shurūq.
- Shamrahayu A. Aziz. (2018). *Islam dalam Perlembagaan Persekutuan*. Penerbit IKIM.
- Sisters in Islam. (2014, October 31). *SIS mencabar fatwa liberalisma dan pluralisma*.
<https://sistersinislam.org/sis-mencabar-fatwa-liberalisma-dan-pluralisma>
- Suhaizad bin Saifuddin, & Zulkifli Abd Ghani. (2023, February). *Sejarah dan perkembangan Mahkamah Syariah di Malaysia dan usaha memartabatkannya*.
<https://www.researchgate.net/publication/368780693>
- Zul-Kifli bin Hussin, & Nor Azlina Abd Rahman. (2022). Gerakan ateis dalam kerangka tafsiran Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan. *Al-Takamul al-Ma‘rifi*, 5(1), 16–28.
<https://jurnal.usas.edu.my/altakamul/index.php/altakmulfiles/article/view/83/52>